

Bahagian A

(25 Markah)

Soalan 1 hingga 21

Pilih dan bulatkan jawapan yang sesuai.



1. Rifqi _____ tangga untuk memperbaiki kerosakan pada bumbung.

- A mendaki
- B memanjat
- C menolak



2. Fatimah membeli _____ kek sempena hari jadi adiknya.

- A sekerat
- B sebiji
- C sepotong

3. Asyraf _____ buku cerita yang dipinjamnya kepada Arif.

- A membeli
- B memulangkan
- C meminjam

SULIT



4. Ayah telah menghadiahkan ibu se_____cincin permata.
- A bentuk
 - B bilah
 - C biji
5. Khadijah, Aminah dan Ainul bersahabat karib. _____juga mempunyai hobi yang sama.
- A Mereka
 - B Kamu
 - C Saya
6. Ahmad nyaris terkorban dalam kebakaran rumahnya. Mujurlah _____berjaya menyelamatkan diri sebelum api marak.
- A kami
 - B mereka
 - C dia
7. Encik Ishak berjalan kaki di tepi pantai _____ menikmati permandangan yang indah.
- A dan
 - B tetapi
 - C sambil
8. Ammar mengirimkan sepucuk surat _____rakannya yang berada di luar negara.
- A dengan
 - B kepada
 - C daripada

SULIT

9. _____, kamu sudah sampai!.A
Eh
B Cis
C Amboi
10. _____, sakitnya perutku ini kerana termakan nasi basi!.
A Syabas
B Oh
C Aduh
11. Aisyah suka membaca buku, maka dia digelar _____.
A buta huruf
B putih tulang
C ulat buku
12. Ariff amat disayangi oleh ibu bapanya kerana dia _____.
A anak emas
B anak buah
C cahaya mata
13. _____ yang dijual di kedai itu segar-segar belaka .
A agar-agar
B sayur-sayuran
C kuih-muih
14. Di _____ rumah Adam dan Ilman terdapat sebuah taman permainan.
A antara
B atas
C bawah

SULIT

15. _____ kah kakak kamu membuat kek coklat ini, sedap sungguh rasanya?
- A Siapa
 - B Apa
 - C Bagaimana
16. _____ kah ibu kamu akan bertolak ke Johor?
- A Bagaimana
 - B Bila
 - C Siapa
17. " _____ basuh buah manga yang berada di atas singki itu,"kata kakak.
- A tolong
 - B sila
 - C jangan

Soalan 18-25

Baca petikan, kemudian jawab soalan berikut.

Encik Mazlan ialah usahawan buah jambu batu. Beliau telah mengusahakan tanaman tersebut selama enam tahun. Kini, beliau mempunyai empat ribu batang pokok jambu batu.

Kejayaan Encik Mazlan ini menjadikan beliau pembekal buah jambu batu utama di utara Semenanjung Malaysia. Beliau hanya menjual jambu batu yang kualiti sahaja di pasaran. Bagi jambu yang tidak berkualiti Encik Mazlan akan memprosesnya menjadi jus jambu batu asli. Jus jambunya juga mendapat permintaan tinggi daripada pembeli oleh kerana rasa aslinya yang sangat sedap.

Harapan Encik Mazlan ialah beliau berharap agar dapat meluaskan jualan buah jambu batunya ke seluruh pelusuk negara Malaysia.

18. Apakah produk yang dijual oleh Encik Mazlan?
- A lobak merah
 - B kelapa sawit
 - C jambu batu
19. Di manakah buah jambu batu Encik Mazlan banyak di jual?
- A selatan Malaysia
 - B timur Malaysia
 - C utara Malaysia
20. Selain daripada Buah Jambu, apakah produk lain yang diusahakan oleh Encik Mazlan?
- A jus jambu madu
 - B jus jambu batu
 - C jus delima madu
21. Apakah harapan Encik Mazlan terhadap perniagaannya?
- A dapat menjual buah jambu batu ke seluruh Negara
 - B dapat membantu mereka yang dalam kesusahan
 - C dapat menghasilkan lebih banyak jus jambu batu

SULIT

Baca dan fahami petikan. Pilih jawapan berdasarkan soalan.

Amira dan ibunya suka bersiar-siar di taman. Mereka sering bersiar-siar pada waktu petang.

Pada suatu hari, Amira ternampak Guan Hong sedang bermain. Dia bermain papan gelongsor. Dia bermain dengan berhati-hati supaya tidak tercedera. Ibu Guan Hong sentiasa mengawasi Guan Hong agar anaknya itu selamat.

22. Amira suka bersiar-siar di mana ?

- a. Amira suka bersiar-siar di taman.
- b. Amira suka bersiar-siar pada waktu petang.

23. Amira bersiar-siar dengan siapa?

- a. Amira bersiar-siar pada waktu petang.
- b. Amira bersiar-siar dengan ibunya.

24. Bilakah Amira sering bersiar-siar?

- a. Amira sering bersiar-siar pada waktu petang.
- b. Amira sering bersiar-siar dengan ibunya.

25. Mengapakah Guan Hong bermain dengan berhati-hati?

- a. Guan Hong bermain dengan berhati-hati supaya tidak tercedera.
- b. Guan Hong bermain dengan berhati-hati dan diawasi oleh ibunya.

SULIT

BAHAGIAN B

(5 markah)

RINGKASAN

Baca teks di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang usaha-usaha memartabatkan karya sastra.

Karya sastra merupakan hasil seni dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri- ciri keistimewaan tertentu. Namun begitu, karya sastra semakin jauh ketinggalan contohnya novel akibat ledakan teknologi maklumat tanpa batasannya. Oleh itu, kita perlu bertindak untuk memartabatkan karya sastra sebaris dengan karya sastra antarabangsa.

Peranan ibu bapa dalam memartabatkan karya sastra kepada anak-anak amat penting kerana melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Pelbagai cara boleh dilakukan seperti membaca bahan sastra sebelum tidur, membeli karya sastra kepada anak-anak atau memberikannya sebagai hadiah. Kesannya, minat anak-anak terhadap karya sastra dapat dipupuk dan disemai dalam sanubari mereka.

Karya sastra khususnya sastra tradisional perlu mendapatkan sokongan daripada pihak media massa untuk diangkat sebagai sebuah karya yang berpengaruh dalam kalangan pembaca. Pihak media massa harus sentiasa membuat pengiklanan yang menarik kepada masyarakat. Mereka hendaklah mendedahkan keunikan dan keindahan sastra tradisional seperti gurindam, syair dan seloka kepada umum. Dengan cara ini, masyarakat terutamanya golongan muda akan tertarik untuk membacanya.

Pihak kerajaan juga boleh memainkan peranan dengan mengadakan pameran karya sastra atau kempen di seluruh negara. Dengan cara ini, karya sastra mampu dipertahankan terutamanya sastra tradisional agar tidak dilupakan oleh generasi kini.

Seterusnya, peranan pihak sekolah dalam memikul tanggungjawab untuk mempertahankan dan memartabatkan karya sastra. Hal ini demikian kerana tenaga pengajar ini amat berpengaruh kepada golongan pelajar dan boleh mendorong mereka mempelajari sastra tanpa dipaksa. Guru-guru boleh menggunakan pelbagai teknik dan kaedah pengajaran untuk menarik minat para pelajar agar mereka dapat menghayati karya sastra yang dipelajari. Selain itu, para pelajar juga harus memainkan peranan dalam memartabatkan karya sastra. Mereka boleh melibatkan diri dalam setiap program anjuran sekolah seperti Minggu Bahasa Melayu dan Kesusasteraan, mengambil bahagian dalam pertandingan berunsurkan sastra dan sebagainya. Dengan ini, mereka bukan sahaja dapat memupuk minat dalam bidang tersebut malahan dapat mencuba sesuatu yang baharu.

Setiap pihak bertanggungjawab mempertahankan dan memartabatkan karya sastra agar menjadi warisan

Jawapan:

Antara usaha memartabatkan karya sastra ialah _____. Seterusnya,

_____. Kemudian, _____. Selepas itu, _____. Akhirnya, _

_____.

SULIT